

Wawancara Khas ABDULLAH AHMAD BADAWI

Mukadimah

PROFESOR Diraja Ungku Aziz dalam ucapannya pada majlis perasmian Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya serta pengumuman sebuah kursi yang dinamakan bersempena dengan namanya Khamis lalu membezakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan empat Perdana Menteri sebelum daripadanya.

Ungku Aziz menggariskan tiga sebab kenapa beliau berkata begitu. Pertama, Abdullah merupakan Perdana Menteri pertama yang mengisytiharkan keutamaannya yang jejas untuk menangani kedudukan masyarakat desa yang terpinggir. Kedua, dalam memenuhi hasratnya itu, Abdullah melakukan banyak usaha berani untuk menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan desa. Ketiga, tidak seperti usaha-usaha sebelum ini yang boleh dikatakan seperti melepaskan batuk di tangga, Abdullah dengan jujur dan tegas menekankan tentang perpaduan nasional masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum.

Ciri-ciri kepimpinan Abdullah yang disebut oleh Ungku Aziz itu terserlah dalam wawancara khas Perdana Menteri bersama **KHALID MOHD., AZIZ ISHAK,**

ZAINI HASSAN dan NOOR AZAM SHAIRI serta jurugambar **SYED AGIL SYED JAAFAR** yang diadakan bersempena Perhimpunan Agung UMNO ke-57 yang bermula esok.

Fokus temu bual ini menjurus kepada persoalan-persoalan di sekitar keadaan orang Melayu, daripada isu-isu tentang pencapaian ekonomi dan pendidikan, tekanan terhadap agama Islam seperti yang berlaku sejak kebelakangan ini sehinggalah kepada kedudukan UMNO sebagai parti terbesar tempat orang Melayu berpayung.

Dalam wawancara tersebut, Abdullah dengan tegas menepis dakwaan bahawa UMNO yang dipimpinnya sekarang berada dalam keadaan yang lemah sehingga menyebabkan ada pihak mengambil kesempatan menimbulkan beberapa isu yang sensitif mengenai kepentingan dan keistimewaan orang Melayu.

"Persepsi mengatakan UMNO itu lemah ialah kerana riuh sangat bunyi cakap-cakap mengenainya," kata Abdullah.


Abdullah menghantar beberapa mesej yang jelas melalui wawancara ini: Pertama, UMNO tidak menjadi, lemah dek kritikan-kritikan baik dari luar mahupun

daripada kalangan ahli-ahlinya, terutamanya serangan-serangan daripada bekas Presidennya sendiri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kedua, beliau tidak tergugat dengan apa juga kritikan, tohmahan dan kutukan yang dilemparkan kepadanya kerana tumpuannya hanya satu iaitu melaksanakan pelan pembangunan negara menuju Wawasan 2020.

Abdullah juga banyak menyentuh tentang cita-citanya mahu menaikkan taraf kedudukan masyarakat luar bandar setiap kali beliau bercakap mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Beliau juga tidak berdolak-dalik tentang isu-isu yang berkaitan dengan soal kedudukan agama Islam dan kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh para pemimpin terdahulu dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi pada masa yang sama, beliau menyedari perasaan kaum-kaum bukan Melayu.

"Di samping kita memperjuangkan tuntutan-tuntutan orang Melayu, hak-hak orang bukan Melayu itu kita tidak boleh pandang ringan kerana mereka pun ada perasaan dan kehendak masing-masing.

"Tetapi kedudukan orang Melayu yang tertinggal itu perlu dibela," katanya.



Menambah nilai perjuangan

MINGGUAN: Datuk Seri sudah tiga tahun menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Apakah tugas dan tanggungjawab yang masuk tahun ketiga ini menjadi lebih sukar atau bagaimana?

ABDULLAH: Ia semakin mencabar. Saya rasa benar (cabarannya). Kerja makin bertambah terutamanya dalam hendak melaksanakan RMK-9 dan memastikan Misi Nasional itu dapat dihayati dan dilaksanakan. Di samping itu, banyak juga cabaran yang dapat dilihat, terutama cabaran-cabaran yang ada hubung kait dengan persaingan dengan negara-negara lain serta keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Harga minyak, alhamdulillah sekarang sudah turun; dan adalah sesuatu yang sentiasa diperhatikan.

Inilah beberapa perkara yang menjadi cabaran besar. Perkara-perkara yang lain itu adalah isu-isu sampingan walaupun penting juga.

Bagaimana pula dengan cabaran dalam parti?

ABDULLAH: Dalam parti pun saya lihat ada juga cabaran-cabaran yang dihadapi. Kejayaan parti banyak bergantung kepada kejayaan kerajaan. Ini kerana kerajaan mewakili parti untuk melaksanakan apa yang diperjuangkan oleh parti. Kejayaan yang diperoleh oleh kerajaan akan memberikan kekuatan kepada parti.

Selain itu, ada juga isu-isu yang timbul pada waktu tertentu yang sebenarnya menarik perhatian parti dan menimbulkan pelbagai perasaan kepada parti seperti isu yang berkaitan dengan agama dan sensitiviti kaum, agenda Melayu, meritokrasi dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Semua ini tentulah menimbulkan pelbagai reaksi dalam parti sendiri. Soalnya ialah bagaimana parti hendak menguruskan situasi ini dan kejayaan yang telah diperoleh selama ini.

Datuk Seri pernah menjadi Timbalan Presiden dan Naib Presiden untuk satu jangka masa yang lama. Bagaimanakah Datuk Seri melihat sikap dan komitmen ahli-ahli dan pemimpin UMNO pada masa lalu dan sekarang?

ABDULLAH: Apa yang saya lihat pada hari ini di kalangan ahli-ahli UMNO ada juga perasaan kalau sesuatu tidak diusahakan dengan bersungguh-sungguh,

orang Melayu akan rasa tercabar dan terhimpit. Itulah sebabnya agenda Melayu dan cakap-cakap tentang DEB ditimbulkan sekarang. Tetapi beberapa tahun lalu ia tidak dianggap sebagai perkara yang menarik perhatian dan perlu dibincangkan walaupun usaha menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan itu terus berjalan.

Pada waktu ini, dasar penyusunan semula masyarakat dihubungkan pula dengan agenda Melayu. Kita sudah mendengar cakap-cakap yang mengatakan kalau kita tidak betul-betul berusaha pada kali ini untuk mencapai kejayaan setimpal dan diharapkan, mungkin selepas ini tidak ada lagi peluang untuk kita (orang Melayu), mungkin selepas ini akan ada pula masalah-masalah lain yang akan lebih menyusahkan lagi keadaan kita. Ada perasaan seumpama itu.

Pada masa yang sama, saya rasa ada keterbukaan di kalangan ahli-ahli UMNO yang merasakan lebih selesa untuk mengeluarkan pandangan. Lihat saja apa yang dibangkitkan oleh (Menteri Besar Johor) Datuk Abdul Ghani Othman baru-baru ini tentang meritokrasi dan bahasa Inggeris. Lihat juga sikap pemimpin-pemimpin UMNO yang mengeluarkan berbagai pandangan mengenai kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Koh Tsu Koon.

Pandangan-pandangan ini merupakan keprihatinan dan rasa kurang pasti di kalangan ahli-ahli UMNO memikirkan hala tuju orang Melayu dalam keadaan negara yang sudah hampir 50 tahun merdeka ini.

Ahli-ahli BN dalam Parlimen, terutama dari parti UMNO sudah lebih lantang sekarang. Perkembangan sikap dan pemikiran seperti ini ada baiknya

juga, tetapi perlu terkawal dan dikawal supaya tidak terlahak ke tahap yang boleh merugikan perjuangan.

Ada orang melihat mereka membuat kenyataan begitu kerana UMNO dilihat lemah sedikit pada hari ini. Apa pandangan Datuk Seri terhadap persepsi itu?

ABDULLAH: Itu persepsi, mungkin mereka rasa berani untuk mengeluarkan pandangan yang seperti itu. Pada satu sudut, saya lihat ini ada kebaikannya juga kerana sesuatu yang terpendam sebelum ini sekarang sudah timbul. Saya sudah nampak (apa yang terpendam itu) yang timbul daripada barangkali keresahan, kebimbangan atau keraguan. Ini memberikan satu mesej kepada saya bahawa ada perkara-perkara yang mungkin tidak kena sehingga menyebabkan ia ditimbulkan sekarang.

Atau mungkin adakah ia lahir daripada perasaan sendiri saja atau sebenarnya ia adalah manifestasi tentang apa yang dirasakan oleh ramai orang, seperti pandangan yang dikeluarkan oleh Ghani atau Datuk Musa Sheikh Fadzir mengenai keadaan orang Melayu di Pulau Pinang.

Mengenai Tsu Koon, beliau juga sebenarnya amat terdesak oleh partinya sendiri (Gerakan) yang melihat beliau dicabar oleh ahli-ahli UMNO. Ahli-ahli Gerakan mungkin menganggap bahawa saya sendiri yang membenarkan ahli-ahli UMNO menyuarakan keresahan mereka itu. Dari satu sudut lain, beliau juga menghadapi desakan-desakan daripada MCA. Bukan maksud saya untuk mempertahankan Tsu Koon. Apa yang saya hendak katakan ialah kita harus melihat hal-hal ini secara menyeluruh.

Di samping kita memperjuangkan tuntutan-tuntutan orang Melayu, hak-hak orang bukan Melayu itu kita tidak boleh pandang ringan kerana mereka pun ada perasaan dan kehendak masing-masing. Tetapi kedudukan orang Melayu yang tertinggal itu perlu dibela.

Persepsi mengatakan UMNO itu lemah ialah kerana riuh sangat bunyi cakap-cakap mengenainya. Tetapi dari segi pendekatannya yang sudah kita ambil kita mahu menjamin apabila Malaysia menjadi negara maju nanti orang Melayu juga menjadi kaum yang maju. Misalnya pembangunan koridor-koridor ekonomi yang baru diperkenalkan ditujukan di kawasan-kawasan yang majoritinya ialah kawasan orang Melayu. Kawasan-kawasan ini memang kurang maju berbanding dengan kawasan-kawasan seperti Lembah Pantai, Lembah Kinta dan kawasan bandar lain yang pesat membangun.

Kepada pihak yang mempunyai persepsi bahawa UMNO berada dalam keadaan lemah, apakah yang hendak Datuk Seri katakan kepada mereka?

ABDULLAH: Saya sudah buat kenyataan-kenyataan sebelum ini bahawa ada perkara-perkara yang tidak boleh ditimbulkan. Jangan cuba menjadikannya sebagai satu permulaan kepada polemik yang boleh membawa kepada perbalahan yang mungkin tidak mudah kita selesaikan. Itu yang sentiasa saya ingatkan apabila ada isu-isu yang ada hubung kait dengan tuntutan-tuntutan kaum yang ditimbulkan. Jangan cari kesempatan atas andaian atau persepsi UMNO lemah.

Apakah yang harus dilakukan bagi memastikan cubaan-cubaan untuk mengasak kepentingan orang Melayu seperti yang berlaku sejak kebelakangan ini tidak berterusan? Bagaimanakah UMNO mahu mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah parti yang dominan yang tidak dicabar oleh mana-mana parti sekalipun termasuk komponen dalam BN?

ABDULLAH: UMNO mesti bersatu dan terus menjaga kepentingan orang Melayu. Itulah peranan UMNO dari dulu dan ia mesti berterusan sampai

sekarang. Keresahan yang bertecus di kalangan orang bukan Melayu itu barangkali ialah kerana ada beberapa perkara yang berlaku dan tindakan yang diambil oleh UMNO, yang mereka lihat sebagai usaha hendak mengukuhkan lagi DEB sedangkan mengikut pandangan mereka, dasar itu sudah selesai.

Ada keresahan dan kebimbangan dalam fikiran mereka bahawa usaha penyusunan semula masyarakat itu mungkin akan membawa kepada tindakan-tindakan penstrukturan syarikat-syarikat kecil iaitu perniagaan keluarga. Mereka melihat syarikat keluarga yang kecil itu tidak harus menjadi sasaran penstrukturan semula, iaitu mesti melibatkan 30 peratus orang Melayu. Mereka juga melihat ada ketegasan pada pihak kerajaan untuk memastikan matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat, atau apa yang dipanggil sebagai agenda Melayu itu, diperkukuhkan melalui RMK-9 dan Misi Nasional.

Maka mereka memberikan reaksi, sama ada sebagai desakan atau sebagai peringatan kepada masyarakat bukan Melayu tentang apa yang berlaku.

Datuk Seri dilihat tidak berhadapan dengan masalah pada tahun pertama dan kedua sehingga sejak kebelakangan ini apabila orang mula mempersoalkan tentang kepimpinan Datuk Seri.

ABDULLAH: Pada tahun pertama, rakyat tunggu untuk melihat apa yang akan saya lakukan dan pada waktu itu kerajaan masih lagi melaksanakan saki-baki projek yang ada dalam RMK-8. Tetapi pada tahun lalu saudara-saudara masih ingat atau tidak peristiwa (Ketua Pergerakan Pemuda UMNO) Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menguhus keris dalam perhimpunan Pemuda UMNO dan kemudian usul Pemuda UMNO mengenai agenda Melayu diperhebatkan yang selepas itu menjadi usul dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Kebanyakan orang Melayu sudah mula bercakap kita harus bertindak sekarang atau bersedia untuk terlepas segala-galanya kerana tahun 2020 akan tiba tidak lama lagi, dalam masa 14 tahun lagi. Mereka bertanya: Apakah pada waktu itu orang Melayu juga boleh menjadi kaum yang maju? Apakah apabila negara maju pada tahun 2020 dan kaum-kaum lain maju, orang Melayu masih ketinggalan? Apa yang berlaku dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu adalah satu *wake-up call* kepada orang Melayu. Pada masa yang sama, ia juga menjadi satu *wake-up call* kepada orang bukan Melayu. Mereka bertanya-tanya apakah yang dikehendaki oleh orang Melayu. Saya masih ingat lagi pada waktu ada sedikit rasa gelisah, ke manakah arah hala tuju UMNO.

Pada waktu itu juga kita sudah mula menyusun strategi ekonomi untuk RMK-9. Saya membentangkan pelan pembangunan itu pada bulan Mac yang lalu. Apabila mereka melihat pelan itu mereka rasa ada tanda-tanda yang menunjukkan strategi untuk menjayakan falsafah cita-cita DEB yang dibimbangkan akan dieksplotasi oleh pihak-pihak tertentu khususnya para pegawai kerajaan Melayu yang mungkin keterlaluhan atau *over-zealous* dalam melaksanakannya - ini perasaan bukan Melayu pula.

Saya beritahu saudara-saudara bahawa inilah kebimbangan yang disuarakan dalam mesyuarat Kabinet. Mereka mahukan jaminan bahawa hal-hal seperti itu tidak berlaku. Mereka boleh terima kalau ia tidak berlaku dan kerajaan bersikap adil. Keresahan itu pada fikiran saya bukan lagi hanya dicakapkan kepada kita tetapi barangkali sudah menjadi cakap-cakap di kalangan orang bukan Melayu juga. Cakap-cakap seperti ini cepat merebak sehingga dianggap sebagai satu kebimbangan oleh kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat mereka dan membawa kepada tuntutan-tuntutan tertentu.

Orang juga mencetuskan spekulasi tentang kepimpinan Datuk Seri, berpandangan bahawa Datuk Seri hanya boleh bertahan hanya untuk satu penggal. Apa pandangan Datuk Seri?

ABDULLAH: Mengikut pandangan ramai ahli profesional, RMK-9 dan Misi Nasional yang akan membawa negara ini sampai ke tahun 2020 adalah satu pelan yang baik. Apa yang diragui ialah tentang pelaksanaannya, dan inilah yang menjadi punca persepsi dan spekulasi itu timbul. Mereka bertanya,

bolehkah ia dilaksanakan? Keraguan ini juga timbul kerana kelemahan sektor awam dan *delivery system*.

Selain itu ia juga timbul kerana kegelisahan di kalangan peniaga dan kontraktor dalam suasana kurang projek untuk dilaksanakan. Mereka marah-marah sehingga membuat pelbagai spekulasi dan persepsi negatif. Dalam keadaan begini, sayalah yang menjadi sasaran nombor satu kemarahan dan rasa curiga mereka itu. Mereka nampak janji-janji kerajaan itu baik tetapi mereka bimbang bolehkah ia dilaksanakan.

Itu kebimbangan mereka yang utama sehingga timbul cerita-cerita bahawa saya ini kononnya hanya boleh jadi Perdana Menteri untuk satu penggal saja, Pak Lah ini lemah dan maCam-macam lagi termasuklah serangan-serangan yang berbertuk peribadi terhadap saya.

Tetapi saya hendak ingatkan bahawa pada peringkat awal apabila saya ambil alih kepimpinan negara, pertumbuhan sektor pembinaan sudah lempab. Maknanya kegiatan pembinaan sudah pun berkurangan. Sektor ini melibatkan banyak perniagaan lain dan mempunyai pengaruh terhadap pertumbuhan ekonomi. Saya tahu masalah ini. Tetapi pada masa yang sama melihat kita sedang mengalami defisit. Perbelanjaan lebih dari pendapatan. Saya tidak boleh membiarkan defisit ini berterusan kerana kalau itu berlaku ia akan mencetuskan rasa kurang yakin terhadap ekonomi negara dan kepimpinan kerajaan.

Tetapi pada waktu ini selepas lima bulan RMK-9 diumumkan kita sudah mula melaksanakan pelbagai projek di sana sini. Hampir 33,000 kontrak sudah pun diberi kepada kontraktor Kelas F. Maka, perasaan lega sudah mula beransur kembali.

Apakah Datuk Seri akan terus kekal memimpin parti dan menerajui negara bagi memastikan pelaksanaan cita-cita RMK-9 serta Misi Nasional dan Wawasan 2020?

ABDULLAH: Saya akan teruskan. *I am here to stay*, Polisinya baik dan strateginya juga baik, dan saya berazam untuk melaksanakannya sehingga berjaya. Saya ada pelan jangka panjang.

Kalau kita lihat sekarang ini orang sudah mula nampak bergerak (menjayakan pelaksanaannya). Kita sudah mula melaksanakan projek-projek. Kita telah lancarkan projek Indutri Asas Tani di Sik. Selepas Wilayah Pembangunan Iskandar di selatan Johor, pembangunan koridor lain akan dilancarkan dan begitu juga dengan projek lain.

Saya akan berusaha memastikan bahawa projek-projek itu terlaksana, dan tentulah ia memerlukan masa yang lebih daripada satu penggal. Saya tidak akan membiarkan pelan yang baik ini jadi sia-sia.

Kita sedang melangkah masuk ke jangka hayat baru, 50 tahun yang kedua selepas kemerdekaan negara. Kita juga akan sampai ke tahun 2020, tahun yang disasarkan kita menjadi sebuah negara maju. Ada banyak perubahan-perubahan yang mesti kita lakukan untuk itu.

Ada orang kata kepada saya, apa yang cuba saya lakukan ini tidak dapat difahami oleh banyak orang kerana ia melibatkan soal mengubah pemikiran masyarakat daripada mentaliti dunia ketiga kepada mentaliti kelas pertama. Saya mahu membangunkan modal insan. Sebelum ini kita bercakap me-

ngenai tenaga kerja dan selepas itu, mengenai sumber manusia. Sekarang ini, saya bercakap mengenai modal insan. Ini kerana saya melihat manusia itu adalah sebahagian daripada modal untuk kemajuan.

Kalau modal itu tidak baik, bagaimana orang Melayu hendak maju? Bagaimana negara hendak maju? Cuba saudara lihat negara-negara yang tidak maju. Sesetengah negara itu mempunyai sumber alam yang cukup kaya tetapi ia tidak maju kerana modal insannya lemah. BANDINGKAN dengan Jepun, salah sebuah negara yang tidak mempunyai sumber alam yang banyak, tetapi ia maju kerana kekuatan modal insannya yang berkualiti ting-

Kalau tidak ada kekuatan modal insan, negara yang dirahmati oleh Allah dengan pelbagai nikmat pun tidak akan jadi maju.

Dalam masa tiga tahun ini, Datuk Seri banyak bercakap mengenai modal insan, mengubah mentaliti masyarakat menjadi kelas pertama serta konsep kejayaan melalui slogan cemerlang, gemilang dan terbilang. Adakah Datuk Seri sedar bahawa ada sesetengah pihak yang menjadi hal-hal ini sebagai bahan jenaka? Apakah yang Datuk Seri rasakan apabila ia dijenakan?

ABDULLAH: Saya tahu dan sedar. Mereka yang membuat jenaka ini ialah dari jenis manusia yang tidak akan boleh menjadikan bangsa yang maju. Bersih, cekap,

amanah dulu pun mereka buat jenaka. Macam-macam mereka perlu. Itu memang perangai sesetengah manusia. Ini mentaliti kecil yang tidak boleh diubah.

Sikap mereka itu adalah hasil daripada pemikiran yang sempit, *small minds*. Mereka tidak tergerak dengan idea-idea yang baik. Saya tahu macam-macam perkara yang mereka permainkan. Saya tahu. Ini bukan saja datang daripada orang Pas dan Parti Keadilan Rakyat. Orang UMNO pun terturut-turut juga. Mujurlah bilangannya tidak ramai. Tetapi ini masalah orang Melayu.

Orang Melayu bagaimanakah yang kita perlu ada? Bagaimanakah Datuk Seri melihat kualiti orang Melayu dan ahli-ahli UMNO khususnya?

ABDULLAH: Kualiti perjuangannya itu mesti kita pertingkatkan. Orang Melayu mahu tidak mahu mesti menambah nilai - tambah nilai diri mereka, tambah nilai perjuangan, tambah nilai hasil kerja, semuanya mesti ditambah nilai.

Itu sebabnya penambahan nilai ini menjadi perkara yang penting dalam Misi Nasional. Kalau dulu cemerlang, sekarang mesti gemi-

lang. Kalau sudah gemilang, jadilah pula terbilang. Kalau cemerlang saja tetapi orang lain sudah terbilang, kita akan ketinggalan juga.

Adakah Datuk Seri bersetuju bahawa dari segi komitmen dan mindset, orang Melayu dan ahli-ahli UMNO tidak banyak berubah?

ABDULLAH: Pandangan seperti itu agak pesimistik. Perubahan itu sudah ada cuma ia belum cukup besar lagi untuk menjadi satu gelombang.



Gelombang apakah yang UMNO perlukan untuk menggerakkan orang Melayu daripada cemerlang menjadi gemilang dan terbilang? Apakah lagi yang diperlu lagi dilakukan untuk orang Melayu?

ABDULLAH: Kita tidak boleh berundur daripada keputusan-keputusan yang telah diambil misalnya meritokrasi. Masalahnya dengan orang Melayu ini ialah apabila berhadapan dengan kesukaran kita cepat mahu mengalah. Kita mesti menyahut semua cabaran yang ada dan tidak mencari jalan mudah untuk menyelesaikan cabaran Kita mesti bersedia bersaing.

Bagaimana Datuk Seri melihat soal kesetiaan dan perpaduan orang Melayu terhadap UMNO yang dilihat mula luntur?

ABDULLAH: Orang UMNO sayang kepada partinya, dan orang Melayu selalu rasa bahawa kalau tidak ada UMNO, orang Melayu tidak akan sampai ke tahap yang mereka capai sekarang. UMNO sebuah parti yang cukup berjaya. UMNO sebuah parti yang telah berjaya mencetuskan satu perubahan yang cukup hebat kepada orang Melayu, perubahan yang tidak berlaku sebelum adanya UMNO - daripada terjajah kepada merdeka, daripada satu kaum yang boleh dikatakan seratus peratus petani kepada kaum yang terlibat dalam industri dan perkilangan, daripada kaum yang hanya dikenali sebagai guru dan mata-mata kepada saintis dan penyelidik sains dan teknologi.

Ahli sains Melayu sudah menjadi kelompok yang mula *visible* dan itu dapat dikenali, tetapi kita tidak bercakap mengenai mereka. Kita hanya bercakap





ABDULLAH Ahmad Badawi diwawancara oleh (dari kiri) Aziz Ishak, Khalid Mohd., Noor Azam Shairi dan Zaini Hassan di Sri Perdana, Putrajaya Rabu lalu. - Gambar oleh Syed Agil Syed Jaafar

Kita ada tugas tunaikan janji

» DARI MUKA 8

mengenai golongan industri dan perdagangan. Tetapi golongan industri dan perdagangan tidak akan berkembang dengan cepat kalau usaha-usaha orang Melayu itu tidak ada kekuatan sains dan teknologi. Industri pada hari ini menggunakan sains dan teknologi. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menjadikan sesuatu perniagaan dan perusahaan itu lebih maju pun menggunakan sains dan teknologi. Cuba beritahu saya perniagaan dan perusahaan mana yang tidak memerlukan kepada sains dan teknologi?

Kita harus berbangga bahawa pada hari ini, kita sudah ada kelompok saintis Melayu yang *visible*. Saya berbangga kerana pada hari ini sudah ramai orang Melayu yang terlibat dalam R&D. Kita sekarang memberikan kelonggaran kepada para penyelidik untuk bekerja sehingga melebihi umur wajib pencen untuk meneruskan penyelidikan mereka. Kalau hasil penyelidikan itu mempunyai potensi untuk dikomersialkan, mereka boleh mendapat royaltinya apabila ia dipasarkan. Kalau sekiranya khidmat mereka diperlukan untuk menggerakkan syarikat yang akan mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka itu, kita berikan mereka kelonggaran untuk bekerja dengan syarikat itu dan kalau sudah selesai, mereka boleh kembali ke universiti untuk memulakan penyelidikan yang lain.

Berapa lamakah sasaran Datuk Seri untuk mencapai perubahan yang Datuk Seri cita-citakan?

ABDULLAH: Lama atau sekejap, itu bergantung kepada orang Melayu sendiri. Kalau kerja kuat, kerja

cepat selesai. Kalau lengah dan malas, kerja lambat habis.

Bagalmanakah Datuk Seri melihat mentaliti orang Melayu untuk menghadapi perubahan itu? Adakah mereka memerlukan kejutan?

ABDULLAH: Mereka memerlukan cabaran demi cabaran demi cabaran. Mereka perlu mengenali dan disedarkan tentang ancaman kepada masa depan mereka jika mereka kurang usaha dan akibatnya, menjadi kurang maju.

Ada orang bertanya kenapa kerajaan berpatah balik memberikan tumpuan kepada sektor pertanian? Ini kerana orang melihat pulangnya yang lambat berbanding Industri.

ABDULLAH: Kenapa? Hina sangatkah (bidang pertanian)? Saya tidak peduli kepada kritikan-kritikan yang seperti itu. Kepada saya mereka ada persepsi yang salah tentang pertanian. Mereka hanya nampak halangan dan rintangan.

Memang pulangan dalam industri itu cepat tetapi soalnya di manakah kita? Beritahu saya berapa ramai industrialis dan pengilang Melayu yang ada. Tetapi kalau kontraktor Melayu, masya-Allah, ramainya. Orang Melayu hanya jadi pekerja, bukannya usahawan. Tetapi melalui bidang pertanian dan industri asas tani ini kita mahu mereka menjadi usahawan. Apabila bercakap tentang pertanian, kita bukannya bercakap hendak meramaikan petani yang bercucuk tanam. Kita mahu bergerak daripada pertanian itu kepada pengilangan.

Saya selalu beri contoh ini, tentang durian. Durian hanya boleh dijual dalam waktu yang singkat, paling lama sehari setengah. Selepas itu, harganya turun.

Tetapi kalau kita menghasilkan produk-produk daripada durian, seperti menghasilkan kordial dan jus durian, lempuk dan tempoyak yang dipakejkan dengan lebih menarik, seri kaya durian dan perisa durian, maka kita sudah ada enam produk daripada durian yang boleh menambah pendapatan kita. Malah kita boleh juga membeli durian daripada orang lain untuk menampung keperluan kilang kita.

Tetapi orang bertanya, kilang itu bukannya milik orang Melayu? Inilah yang saya hendak beritahu. Mengapa tidak kita tubuhkan kilang melalui koperasi. Anak kita juga boleh bekerja di kilang itu. Banyakkan kilang untuk pelbagai produk asas tani. Sebab itulah kita mahu galakkan pembangunan industri asas tani.

Harapan Datuk Seri mengenai Perhimpunan UMNO pada kali ini?

ABDULLAH: Saya harap para perwakilan dapat berbingang dalam suasana persaudaraan dengan penuh kesedaran bahawa segala apa yang dibicarakan itu amat penting. Kita perlu memberikan pandangan untuk menentukan hala tuju masa depan. Kita hendak beri pandangan bagaimana hendak menjayakan rancangan-rancangan kita. Kita hendak menggesa supaya semua orang berjuang bersungguh-sungguh dengan kekuatan dan perpaduan dalam parti, dengan kekuatan kerajaan yang ditubuhkan setelah mendapatkan sokongan yang begitu besar daripada rakyat.

Kita ada tugas untuk menunaikan janji kepada rakyat. Mengenai pelan-pelan yang telah dirancang, saya cukup gembira. Saya bukan hendak mendabik dada, tetapi ini adalah satu rancangan yang terbaik.

Lama atau sekejap (sasaran memajukan sektor pertanian boleh dicapai), itu bergantung kepada orang Melayu sendiri. Kalau kerja kuat, kerja cepat selesai. Kalau lengah dan malas, kerja lambat habis

Saya mahu memastikan pelaksanaannya juga baik. Sesetengah strategi dalam RMK-9 ini bukan hanya untuk diselesaikan dalam tempoh rancangan itu tetapi ia perlu diteruskan sehingga tahun 2020, seperti usaha menghapuskan kemiskinan. Itulah yang akan kita lakukan.

Saya akan teruskan kerja saya bagi menjayakan pencapaian matlamat negara maju, bangsa maju.

Jangan main api sensitiviti agama dan kaum

Tentang isu agama, Bagaimana Datuk Seri melihat kecenderungan sesetengah pihak sejak kebelakangan ini yang berani mencabar kedudukan Islam seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah mempersoalkan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan untuk pembangunan syiar Islam?

ABDULLAH: Orang yang bertindak sebegini tidak fikir panjang. Tindakan-tindakan mereka itu seperti bermain dengan api. Apabila, kecil seronoklah main tetapi apabila besar-nanti orang yang cucuh api (tidak berpuas hati) itu terbakar sama. Saya sudah kata, isu agama dan isu kaum cukup sensitif. Apa yang telah diwujudkan dan ada dalam Perlembagaan dan menjadi dasar kerajaan adalah hasil daripada pemikiran bapa-bapa kemerdekaan dan pemimpin terdahulu yang memperjuangkan

kan kemerdekaan. Mereka telah memikirkan dan menentukan apakah yang terbaik bagi sebuah negara yang akan maju selepas merdeka, supaya negara ini tidak bergaduh kerana ada tiga kaum, Melayu, Cina dan India.

Mereka telah berfikir untuk mewujudkan satu perimbangan - a *very delicate balance of interests and rights*, satu neraca kesaksamaan antara hak dan aspirasi dengan kehendak pelbagai kaum. Mereka mengambil kira kedudukan semua kaum, satu yang asal di sini iaitu bumiputera dan lagi kaum pendatang tetapi yang kedua-duanya akan menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Mereka yang bukan bumiputera itu hendak jadi rakyat juga dan sebagai rakyat mestilah ada hak-haknya juga sama, tetapi adakah hak-hak yang sama untuk semua itu akan menjadi satu penyelesaian kepada kehendak semua

kaum.

Mereka juga tahu hak-hak yang sama untuk semua dalam semua hal tidak boleh menyelesaikan masalah, dan kerana itu harus ada keseimbangan. Itu sebabnya ada hak istimewa bagi orang Melayu dan hak menjadi warganegara kepada orang bukan Melayu yang datang ke negara ini pada waktu itu. Kalau kita ubah perimbangan ini dan kalau kita terpaksa berunding semula mengenai hak-hak semua kaum, ia tidak akan sama lagi seperti sekarang. Ia akan jauh daripada sempurna. Apa saja formula yang baru tidak akan berjaya kerana formula yang lama itu sudah cukup, sudah maksimum. Oleh kerana semuanya sudah dipersetujui dahulu, buat apa lagi kita hendak kacau dan berunding semula.

Pada pandangan Datuk Seri kenapa isu-isu seperti agama ini dibangkitkan sekarang, dan ia dilihat cukup membimbangkan?

ABDULLAH: Saya fikir ia lahir daripada emansipasi pemikiran dan kegiatan intelektual yang telah mencetuskan pelbagai pemikiran dan soalan tentang isu-isu perpaduan, keadilan, hak asasi manusia dan sebagainya. Hal-hal ini memang cukup menarik. Semasa kita ada Majlis Perundingan Ekonomi Nasional yang pertama, ya Allah, pening kepala. Saya mempengerusikan jawatankuasa penyusunan semula masyarakat, macam-macam idea yang dibangkitkan. Kenapa? Ini kerana formula yang kita wujudkan untuk mencapai kesaksamaan antara kaum itu ialah satu formula yang sangat sukar dilaksanakan. Kalau salah tafsir, ia dianggap sebagai tidak adil.

Hujah bahawa DEB itu tidak adil sudah dibangkitkan sejak dari dulu lagi. Malah para pelajar kita yang

belajar di Amerika Syarikat pada waktu awal dahulu teruk dipersoalkan dengan pandangan-pandangan yang mempertikaikan kewajaran dasar penyusunan semula masyarakat itu diperkenalkan.

Dalam keadaan hubungan agama yang dilihat semakin agresif sekarang ini, apa langkah yang boleh dilakukan diambil kerajaan bagi membendung keadaan yang nampak semakin membimbangkan terutama sekali dengan penyebaran maklumat melalui SMS yang sukar dikawal?

ABDULLAH: Saya hendak tegaskan sekali lagi, Artikel 121(1A) tidak akan dipinda. Kedua, jangan adakan sebarang demonstrasi. Berhati-hati tentang isu agama ini. Nasihat saya ialah hentikan semuanya. Orang mungkin akan kata saya hendak sekat, tidak beri masyarakat berbincang. Kalau mahu berbincang, buat secara tertutup sebagaimana yang kita lakukan selama ini.

Datuk Seri dilihat ada keterbukaan untuk rakyat berdialog antara agama tetapi soalnya sejauh mana rakyat bersedia dan matang untuk berdialog?

ABDULLAH: Sebenarnya saya tidak pernah pada bila-bila masa mengatakan bahawa kita di Malaysia ini perlu kepada majlis dialog antara agama. Ini kerana saya beranggapan bahawa di negara ini semuanya terkawal dan masyarakat faham bahawa isu-isu agama tidak sepatutnya dibangkitkan. Perkara itu bukan dalam agenda perbincangan. Terimalah formula (dalam Perlembagaan) yang telah ditentukan oleh pemimpin yang terdahulu.

Apakah mungkin ada pihak yang mengambil kesempatan ini daripada sikap

Kalau kita ubah perimbangan ini dan kalau kita terpaksa berunding semula mengenai hak-hak semua kaum, ia tidak akan sama lagi seperti sekarang. Ia akan jauh daripada sempurna

lembut Datuk Seri dan mereka ambil mudah Datuk Seri?

ABDULLAH: Mungkin juga. Apabila kita beri ruang dan kebebasan untuk mereka berdiskusi, inilah yang akan berlaku. Orang jadi seronok. Tetapi saya hendak tegaskan di sini dan saya serius bahawa cara saya yang memberikan kebebasan dan keterbukaan ini jangan sama sekali disalah faham atau disalahgunakan. Tidak ada hak yang tidak ada sekat; tidak ada permintaan dan desakan yang tidak ada had, semua perkara ada hadnya. Tidak ada di mana pun kebebasan yang mutlak.

Ini sudah lebih, bukan lagi soal jambatan


Tentang Tun Dr. Mahathir. Adakah Datuk Seri rasa resah dan terganggu dengan kritikan Tun. Mengenal kepimpinan DS?

ABDULLAH: Saya lebih rasa kesal daripada resah. Adakah ini Dr. Mahathir yang saya kenal dulu? Tetapi kalau saya kata begitu, nanti dia akan kata, adakah ini Abdullah yang saya kenal dulu, dan perbalahan ini tidak akan selesai. Ini sudah lebih, bukan lagi soal jambatan dan projek-projek beliau. Beliau menentang saya dan kerajaan secara total.

Apakah tidak ada ruang untuk berbaik?

ABDULLAH: Kita buat kerja sajalah. Kita kena bekerja supaya rakyat terima dan tahu bahawa kita buat kerja. Kita berharap mudah-mudahan beliau akan faham. Soal sama ada kita menang pilihan raya akan datang, bukanlah isu siapa yang akan menang perbincangan ini yang akan menentukan. Apa yang lebih penting ialah sama ada kerajaan dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang dirancangkan.

Saya ada terlalu banyak kerja yang hendak dibuat, terlalu banyak. Saya mahu memberikan tumpuan saya kepada kerja.



Amanah yang diberikan oleh rakyat ini mesti dilaksanakan. Ini tugas dan tanggungjawab saya kepada Tuhan, kepada negara dan rakyat. Saya perlu memenuhi apa yang telah saya janjikan.

Kita (negara) sedang melangkah masuk

ke tahap 50 tahun yang kedua untuk sampai kepada usia 100 tahun. Dalam masa yang terdekat ini, dalam masa 14 tahun saja lagi kita akan sampai ke tahun 2020. Kita mesti mengubah pemikiran rakyat supaya boleh terus mara jauh lebih daripada sa-

saran 2020 itu.

Kalau kita mendaki gunung, untuk sampai ke kaki Gunung Everest itu agak mudah tetapi untuk menakluki puncaknya bukan saja memerlukan kekuatan fizikal tetapi yang lebih penting lagi ialah memahami hanya mereka yang mempunyai kekuatan fikiran yang boleh berjaya. Tiger Woods menjadi pemain golf yang terbaik dunia kerana di atas padang dia merupakan seorang yang memberikan tumpuan yang paling padu kepada permainannya. Dia hanya fokus, fokus dan fokus. Saya juga akan terus memberikan fokus kepada kerja-kerja saya. Biarlah orang hendak geletek saya atau baling batu sekalipun, saya tidak kisah. Saya tidak mahu terganggu kerana saya tahu arah tuju matlamat saya. Jangan kacau saya kerana saya mahu sampai ke matlamat saya. Saya akan terus melakukan kerja saya selagi ia perlu dilakukan. Saya tidak akan lari.

Adakah isu Tun ini menggugat kepimpinan Datuk Seri?

ABDULLAH: Biarlah, apa yang dia hendak buat, biarlah dia buat. Saya akan jaga UMNO dan jaga kerajaan kerana ini tanggungjawab saya.

"Biarlah orang hendak geletek saya atau baling batu sekalipun, saya tidak kisah. Saya tidak mahu terganggu kerana saya tahu arah tuju matlamat saya. Jangan kacau saya kerana saya mahu sampai ke matlamat saya. Saya akan terus melakukan kerja saya selagi ia perlu tidak akan lari